

# OIC disyor bincang

UM 20 OCT 2002

Daripada AZIZ ISHAK

ISLAMABAD 19 Okt. — Malaysia mencadangkan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) memanggil segera mesyuarat khas bagi menetapkan pendirian bersama berhubung isu Palestin dan rancangan kuasa besar untuk melancarkan peperangan ke atas Iraq.

Cadangan Malaysia itu dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Presiden Pervez Musharraf dalam pertemuan mereka di sini lewat malam tadi.

Malaysia juga menerusi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar telah menulis surat kepada Setiausaha Agung, Pengerusi Menteri Luar OIC, Iran dan Maghribi mengenai cadangan itu dan sedang menunggu maklum balas.

Berdasarkan reaksi Pakistan, negara itu menyambut baik cadangan tersebut dan sependapat dengan Malaysia bahawa negara-negara OIC perlu membincangkan soal Palestin dan ancaman terhadap Iraq.

Syed Hamid berkata, Malaysia mahu mengambil inisiatif itu memandangkan tekanan yang dihadapi oleh

Palestin semakin kritikal sementara Iraq terus berdepan dengan tindakan unilateral kuasa besar.

“Kita bukan mahu memusuhi sesiapa tetapi kita perlu berbincang dan mengambil pendirian bersama. Isu keganasan Israel ke atas Palestin cuba dipinggirkan manakala serangan ke atas Iraq hanya akan memburukkan lagi keadaan,” katanya kepada wartawan Malaysia selepas pertemuan antara Dr. Mahathir dan Musharraf.

Syed Hamid menambah, walaupun OIC kerap diragui dari segi hasil tindakannya kerana tidak mempunyai kuasa untuk mengubah keadaan dengan berkesan namun setidak-tidaknya adalah penting untuk pertubuhan itu menyuarakan pandangannya.

“Lebih baik kita bersuara daripada hanya berdiam kerana akibatnya lebih buruk kepada negara-negara Islam,” tegasnya.

Selain itu, kata beliau, kegagalan menangani isu Palestin dan Iraq akan memberikan kesan negatif kepada suhu politik dan ekonomi dunia.

Ditanya negara manakah yang akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat khas itu, Syed Hamid berkata, jika cadangan itu dipersetujui terserahlah kepada OIC untuk mengadakannya di mana-mana negara sekalipun.

## isu Palestin, Iraq

Mengenai perbincangan antara Dr. Mahathir dan Musharraf, Syed Hamid berkata, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala termasuk membaiki hubungan dagangan yang memihak kepada Malaysia.

Katanya, hasil pertemuan itu juga, Malaysia dan Pakistan bersetuju mempercepatkan perundingan kedua-dua negara menerusi Suruhanjaya Bersama yang kali terakhir berlangsung dua tahun lalu di Pakistan.

Menerusi suruhanjaya itu, kata beliau, Malaysia dan Pakistan akan menumpukan perbincangan kepada meningkatkan kerjasama dan meneroka peluang pelaburan antaranya teknologi maklumat, pembinaan, bio-teknologi dan telekomunikasi.

Syed Hamid berkata, Malaysia menunjukkan komitmen untuk meningkatkan perdagangan dengan Pakistan termasuk akan mengkaji kemungkinan untuk mengimport susu dan produk susu dari Pakistan, projek kerjasama pembinaan sebahagian landasan kereta api, pengambilan pekerja mahir dan kurang mahir dari Pakistan dan penghantaran pelajar Malaysia untuk mengikuti pengajian sains dan perubatan.

“Pakistan juga akan mengadakan pameran dan promosi

barangannya di Malaysia sebagai menyahut pelawaan Dr. Mahathir supaya negara itu bersaing dalam pasaran terbuka di Malaysia,” katanya.

Dalam pertemuan itu, Musharraf juga menyatakan hasrat negaranya untuk menjadi rakan dialog ASEAN dan mengharap sokongan Malaysia.

Beberapa perkara lagi yang turut dibincangkan ialah isu keganasan, Palestin, perkembangan politik Pakistan selepas pilihan raya dan isu India-Pakistan, yang kedua-dua negara mempunyai pandangan yang sama.

Musharraf juga mengambil kesempatan memberi penjelasan tentang pilihan raya Pakistan minggu lalu sebagai sebahagian daripada proses demokrasi dan beliau melahirkan rasa kurang senang dengan laporan Kesatuan Eropah yang mempertikaikan ketelusan pilihan raya itu.

Dalam pada itu, Malaysia kata Syed Hamid telah menyatakan keyakinan kepada pembaharuan yang sedang berjalan terutamanya pemulihan ekonomi di Pakistan sejak tiga tahun lalu di bawah kepimpinan Musharraf.

“Dr. Mahathir turut menyampaikan undangan kepada Musharraf bagi menghadiri Persidangan Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan OIC di Malaysia yang kedua-duanya akan berlangsung tahun depan,” kata beliau. — *Utusan*